

28/11/2000

Proton perlihatkan enjin Campro

PERUSAHAAN Otomobil Nasional Berhad (Proton), pengeluar kereta nasional pertama negara buat pertama kalinya memperkenalkan kepada umum model enjin sebenar yang direka bentuk dan dibangunkan sendiri oleh jurutera tempatan.

Enjin yang dikenali sebagai "Campro" itu boleh dilihat di Pameran Motor Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIMS 2000) yang sedang berlangsung sekarang hingga 4 Disember depan.

Ruang pameran Proton terletak di Dewan Tun Razak 1, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.

Proton dalam kenyataan yang dikeluarkan semalam berkata, pengeluaran enjin itu membuktikan Proton berupaya mereka bentuk dan menghasilkan enjin sendiri, setanding dengan syarikat automotif lain.

Pada pameran itu juga, Proton turut mempamerkan beberapa model Lotus iaitu Lotus Elise 340R, Exige dan Sport Elise.

"Enjin ini akan mula dikeluarkan secara komersil pada 2002 di kilang Proton di Shah Alam menerusi kemudahan Pembangunan dan Penyelidikan (R&D) milik Proton," kata kenyataan itu.

Proton sudah menguji enjin prototaip yang dikenali sebagai projek enjin kecil Proton (S-Eng) itu yang membabitkan pembangunan selama sembilan bulan di kilang Lotus di Hethel, England pada Julai lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut berpeluang melihat lebih dekat pembangunan enjin S-ENG sempena lawatannya ke kilang Lotus baru-baru ini.

Antara ciri unik pada enjin "Campro" itu ialah keupayaannya menukar pergerakan profil aci enjin bagi memberikan kelancaran dari segi penyaluran kuasa dan tork.

Pengeluaran enjin itu menggunakan sepenuhnya kemahiran kejuruteraan automotif Lotus yang menyediakan sokongan teknikal dan teknologi kepada projek S-Eng itu.

(END)